

Dr. M berterima kasih kepada rakyat

KUALA LUMPUR 12 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan terima kasih kepada rakyat Malaysia kerana memberikan kepercayaan yang tinggi kepada kereta nasional Proton Saga sehingga terhapusnya segala prasangka dan berbagai anggapan negatif ketika ia dilancarkan lima tahun lalu.

Perdana Menteri menegaskan, daripada cagak-cagak kononnya Proton Saga tidak berupaya mendaki bukit genting, akan dijual sebagai kereta terpakai tidak berapa hari selepas dibeli hinggalah kepada terputus dua jika dilancar. seluruh negara kini mendengar kata-kata puji-

an yang tidak diduga.

"Hari ini kita akan mula menjual Proton Saga Megavalve dan mungkin dalam masa empat tahun lagi, Proton akan mengalami perubahan model secara keseluruhannya," kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad ketika melancarkan Proton Saga 12 injap Megavalve di Dataran Merdeka petang ini.

Dalam pelancaran itu, lima model baru termasuk dua dengan warna yang baru diperkenalkan iaitu meron delima dan hijau tua turut dipamer buat pertama kali di

LIHAT MUKA 2

DR. M BERTERIMA KASIH PADA RAKYAT

hadapan umum.

Majlis pelancaran itu juga telah disiarkan secara langsung ke seluruh negara oleh RTM.

"Jualan tujuh bulan pertama tahun ini adalah kira-kira 40,000 unit dan jumlah jualan sehingga akhir tahun ini dijangka akan terus meningkat ke paras 64,000 unit iaitu satu pencapaian yang amat membanggakan bukan sahaja kerajaan tetapi juga seluruh rakyat yang telah memberikan kepercayaan terhadap kereta kita," ujar Perdana Menteri.

Katanya, dengan kejayaan yang ditempah dalam tempoh yang singkat ini, kerajaan berharap, ia tidak akan melalaikan pihak pengurusan dan kakitangan Edaran Otomobil Nasional atau EON.

"Hari ini kita berbangga kerana setelah masuk tahun keempat pengeluaran, Proton bukan sahaja memperolehi keuntungan malah berjaya melangsaikan hutangnya tahun lepas.

"Majlis pelancaran Proton Saga enjin 12 injap ini merandakan satu lagi langkah ke hadapan bagi kereta nasional kita setelah menempoh lima tahun yang berlalu dengan berbagai prasangka negatif yang kini sudahpun terhapus," ujar beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, prasangka terhadap Proton Saga semakin hilang apabila rakyat memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadapnya.

Tambah beliau, pasaran Proton Saga pula telah menjangkau daripada tempatan ke luar negeri dan selepas mengeluarkan model 1300 CC dan 1500 CC, Proton telah mengeluarkan limosin iaitu satu pilihan kepada mereka yang berupaya.

Kata Dato' Sri Dr. Mahathir, dewasa ini kereta yang mempunyai serba injap atau multi-valve sudah menjadi satu trend dan negara sungguh berbangga

Proton Saga juga mampu dilengkapkan dengan enjin seperti ini.

"Kerajaan yakin dengan harga yang berpatutan, kereta megavalve ini merupakan yang termurah sekali di rantau ini dan mampu dibeli oleh rakyat Malaysia," katanya.

Menurut beliau lagi, selain dipasangkan dengan enjin yang lebih kuat, model megavalve ini juga telah diberi rupabentuk yang baru, sesuai dengan trend atau gaya kereta semasa serta lebih menarik dan moden.

Katanya, dengan membuktikan bahawa Proton Megavalve ini sebagai salah satu peningkatan kualiti dalam generasi kereta nasional, kerajaan berharap Proton akan mengkaji imej baru yang mungkin boleh diperkenalkan pada masa akan datang.

Beliau juga berkata, dari segi prestasi, Proton Saga telah menguasai sebahagian besar pasaran tempatan bagi kelas 1600 CC ke bawah dalam tempoh dua tiga tahun yang lalu dan kini telah mencapai kira-kira 74 peratus pasaran tempatan.

Dari segi komponen pula, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, dengan adanya komponen tempatan yang melebihi 60 peratus, Malaysia telah dapat mengeksport Proton Saga ke Britain dan usaha-usaha meningkatkan penggunaan komponen tempatan akan diteruskan sehingga mencapai 80 peratus.

Beliau berkata di samping itu, dengan pasaran Proton Saga yang semakin meningkat, pengusaha-pengusaha komponen tempatan mempunyai kadar tempahan yang tinggi dan ini mewujudkan satu industri sampingan automotif yang kuat.

"Kerajaan yakin, dengan industri sampingan automotif ini, tercapailah sudah matlamat kedua kerajaan apabila mengadakan industri kereta nasional.